

Graduan antarabangsa bersanding ikut adat Melayu



Persandingan Abu Bakar dan Amina berlangsung mengikut adat budaya Melayu di USIM.



mengikuti pengajian di universiti berkenaan.

Pengantarabangsaan budaya tempatan

Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Asma Ismail; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Datuk Dr Musa Ahmad; dan Dekan FSU, Dr Yasmin Hanani Mohd Safian, turut hadir memeriehkan majlis.

Asma berharap pengajaran majlis seumpama itu diteruskan pada masa depan bagi menonjolkan adat budaya

masyarakat tempatan kepada pelajar antarabangsa.

"Inisiatif seumpama ini adalah satu bentuk pengantarabangsaan budaya dan keunikan rakyat Malaysia.

"Saya mendoakan agar ikatan suci pasangan pengantin ini kekal selamanya walaupun berasal dari dua negara berbeza yang pasti ada kelainan bahasa, budaya dan resam. Ambillah peluang untuk menyelami perbezaan ini sebagai rahmat dan hikmah daripada Allah SWT," katanya.

Pasangan pengantin bergambar kenangan bersama-sama sebahagian tetamu majlis resepsi mereka di USIM.

mereka sehingga membawa kepada persetujuan untuk melangsungkan pernikahan pada 5 Januari lalu.

Majlis resepsi yang berlangsung sederhana tetapi meriah itu diaturkan Persatuan Pelajar Antarabangsa (ISS) USIM dengan kerjasama Unit

Kebudayaan dan Kesenian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Abu Bakar yang juga peserta Kejohanan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu tahun lalu, merakamkan penghargaan kepada USIM kerana mengaturkan majlis itu, selain membantu beliau sepanjang

Sepasang pengantin luar negara melalui detik manis apabila diraikan dalam majlis resepsi mengikut adat budaya Melayu di Galeri Bangunan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini, baru-baru ini.

Lengkap dengan busana tradisional Melayu, Abu Bakar Saho dan pasangannya, Amina Saho, diarak bersama-sama bunga manggar serta paluan kompang ke pentas pelamin yang bertemakan warna merah hati, sambil diiringi pelajar antarabangsa USIM dan sahabat handai.

Abu Bakar yang berasal dari Gambia adalah graduan Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa, Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) USIM, manakala Amina dari Manchester, United Kingdom, guru Bahasa Inggeris di Krabi, Thailand.

Perkenalan antara Abu Bakar dengan Amina bermula hasil inisiatif rakan baiknya berasal dari Thailand yang juga pelajar antarabangsa USIM, Rushdy Muktar.

Sederhana tetapi meriah

Walaupun tinggal berjauhan, kemudahan internet terutama Facebook dan Skype, menjadi penghubung silaturrahim